

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10374

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada terdapat pekerja dari Korea Utara bekerja di Malaysia di mana mereka bekerja, sektor pekerjaan dan bilangan pekerjaan; dan juga sama ada, ada pengubahan wang daripada usahawan Korea Utara dan syarikat-syarikat milik atau dalam kawalan mereka di Malaysia balik kepada Korea Utara, dan berapa jumlahnya.

109

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, semua pekerja asing warganegara Korea Utara di Sarawak telah dihantar pulang ke negara asal. Pada tahun 2017, pihak berkuasa negeri Sarawak tidak meluluskan permohonan pengambilan tenaga kerja dari Korea Utara. Sehingga 30 September 2017, seramai 90 orang pegawai dagang warganegara Korea Utara yang masih aktif adalah seperti berikut:

- (i) 28 orang - sektor teknologi maklumat;**
- (ii) 18 orang - sektor perkhidmatan; dan**
- (iii) 44 orang - pentadbiran Kedutaan Korea Utara di Malaysia.**

Tiada kes pengubahan wang haram direkodkan melibatkan usahawan Korea Utara dan syarikat-syarikat milik atau dalam kawalan mereka di Malaysia.